

NO. SOALAN : 470

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA] - PKR**

SOALAN : 470

YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada pihak Kerajaan masih dapat mencapai sasaran membina 500,000 buah unit perumahan menjelang tahun 2020 melalui Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA). Perincikan kemajuan ataupun kekurangan kemajuan sehingga kini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PR1MA sedang giat berusaha untuk memastikan mandat Kerajaan Persekutuan bagi menyediakan 500,000 unit kediaman tercapai. Sehingga kini, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 268,993 unit kediaman yang terdiri daripada 228 buah projek di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 103,166 unit kediaman yang melibatkan 90 buah projek sedang berada dalam fasa pembinaan di semua negeri seluruh Malaysia. Selain itu, sebanyak 1,332 unit rumah PR1MA telah berjaya disiapkan iaitu di Putrajaya, Kuala Ketil dan Sungai Petani 2 di Kedah. Manakala projek-projek selebihnya berada dalam pelbagai fasa perancangan dan akan memulakan pembinaan seperti mana yang telah dijadualkan.

PR1MA menjangkakan lebih banyak projek-projek yang berada dalam fasa perancangan untuk memulakan pembinaan tidak lama lagi. Ini bererti lebih banyak projek pembangunan PR1MA akan dibina dan disiapkan mengikut mandat yang ditetapkan.